From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 25 July, 2022 9:21:47 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mesyuarat Fokus Perincian Program Pengajian Baharu UUM

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 JULAI 2022 / 25 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Nadia Rusli
Gambar oleh: Pusat Pengajian Bahasa Tamadun Dan Falsafah

MESYUARAT FOKUS PERINCIAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU UUM



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahimi Mohtar telah mempengerusikan mesyuarat bersama Ahli Jawatankuasa Pengajian Program Baharu Sarjana Muda Pengurusan Syariah, Linguistik Terapan Dan Multimedia Dengan Kepujian di UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL), baru-baru ini.

Mesyuarat yang turut disertai Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Prof. Dr. Shukri Ahmad itu bertujuan memperincikan tentang program pengajian baharu itu yang bakal ditawarkan UUM di bawah SLCP menggunakan kerangka program yang bersifat hibrid.

Program ini menggabungkan tiga bidang yang berbeza iaitu Syariah, Linguistik Terapan dan Multimedia bagi menyambut hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam menyemarak dan mengembangkan ilmu melalui program yang bersifat *'transdisciplinary'*.

Cadangan program ini mendapat maklum balas yang baik daripada penasihat-penasihat dalam tiga bidang tersebut yang dilantik dari industri dan organisasi awam.

Semoga usaha ini dimudahkan Allah dan diharapkan dapat memberi manfaat kepada ummah.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.